

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN MESYUARAT
KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA PARLIMEN
KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]**

SOALAN

DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah strategi dan pendekatan yang diguna pakai di dalam Dasar Keluarga Negara (DKN) masih relevan pada hari ini untuk membentuk persekitaran keluarga yang harmoni dan positif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Keluarga Negara (DKN) dan pelan tindakannya diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 17 Disember 2010 dan telah dilancarkan pada 19 Mac 2011. Dasar ini merupakan dasar jangka panjang (2011-2020) yang digubal dengan matlamat untuk membangun keluarga yang sejahtera, sihat dan resilien bagi memastikan kestabilan sosial.

Bagi merealisasikan pelan tindakan DKN, tiga (3) teras strategi telah dibentuk yang memfokuskan kepada komitmen pelbagai pihak untuk mengutamakan perspektif keluarga dalam pembangunan negara, perundangan serta program dan perkhidmatan kekeluargaan yang mudah di akses.

Usaha Malaysia dalam membangunkan DKN turut mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2017, Malaysia menerusi LPPKN telah menerima anugerah bagi kategori Organisasi Keluarga dari Persekutuan Pembangunan Keluarga Antarabangsa atau

International Federation for Family Development (IFFD). Anugerah ini berikutan daripada usaha Malaysia yang substantif dalam membangunkan program keluarga sehingga terhasilnya DKN dan pelan tindakkannya.

Di sepanjang tempoh pelaksanaan pelan tindakan DKN dari tahun 2011, beberapa inisiatif utama telah berjaya dilaksanakan. Di peringkat kebangsaan, kerajaan telah mengumumkan bulan November setiap tahun sebagai 'Bulan Keluarga Kebangsaan' bermula pada tahun 2012. Program pengukuhan nilai teras keluarga menerusi sambutan hari-hari utama seperti Hari Keluarga Kebangsaan, Hari Ibu dan Bapa turut disambut setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran keluarga tentang penghayatan nilai-nilai murni dalam keluarga.

Bagi memastikan perspektif keluarga diambil kira dalam pembangunan negara, sebuah jawatankuasa yang melibatkan pemimpin tertinggi di peringkat persekutuan dan negeri telah dibentuk. Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga Kebangsaan (JPWKK) yang ditubuhkan telah dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan setiap exco negeri yang memegang portfolio wanita dan keluarga merupakan ahli tetap. Jawatankuasa ini berperanan sebagai platform kepada penggubal dasar dan perancang program untuk menyalurkan pandangan berkaitan wanita dan keluarga di samping membincangkan isu-isu semasa yang relevan dengan wanita dan keluarga.

Di peringkat komuniti, program dan perkhidmatan kekeluargaan turut diperluaskan selaras dengan hasrat DKN. Dalam tempoh pelaksanaan DKN (2012-2018), seramai 3.6 juta orang penduduk Malaysia telah menghadiri dan mendapat perkhidmatan kekeluargaan yang disediakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan.

Pelaksanaan DKN turut mempunyai elemen penyelidikan serta penilaian. Dalam tempoh ini, 2 kajian berskala nasional berkaitan keluarga telah dilaksanakan iaitu Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) dan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga

2011 dan 2016. Daripada aspek penilaian, turut dibangunkan Family Impact Assessment (FIA) bagi mengukur keberkesanan pelaksanaan program dan perkhidmatan yang berkaitan dengan keluarga.

Tiga (3) teras strategi yang dinyatakan dalam DKN masih relevan sehingga hari ini yang menyokong pembangunan keluarga yang harmoni dan positif di Malaysia. Namun begitu, dalam pelaksanaan inisiatif yang digariskan dalam Pelan Tindakan DKN ini, perlu penambahbaikan bagi beberapa inisiatif mengambil kira isu dan cabaran semasa serta perubahan struktur keluarga masa kini.

Tanggung jawab membentuk persekitaran keluarga yang harmoni dan positif adalah tanggungjawab kita semua. KPWKMM amat mengharapkan semua pihak berkepentingan yang terdiri daripada agensi kerajaan, swasta, institusi penyelidikan, institusi pengajian tinggi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dapat melaksanakan dasar dan program mesra keluarga dengan mengambil kira perspektif keluarga dalam perancangan, pelaksanaan, penilaian program, pembangunan ekonomi, kesihatan, sosial, sains dan teknologi serta perundangan.

Melalui dasar keluarga ini, komitmen boleh dipertingkatkan untuk menyemak dan menyusun semula strategi dasar, program dan perkhidmatan supaya lebih mesra keluarga.